

Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris
Selaku Ketua WHIP

Yang Dihormati En LioKwang Meng
Selaku Timbalan Ketua WHIP

Yang Berusaha En Mohd Hisam Bin Said
Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi

Yang Dihormati
Ahli-Ahli Majlis Majlis Daerah Kota Tinggi

Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan

Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi,

Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya,kita dapat melaksanakan mesyuarat bil 10/2016 dalam bulan Oktober ini.

Sebelum itu, mengajak semua hadirin merenung dan menginsafi serta bersama-sama menyedekahkan surah al-fatihah bagi mangsa-mangsa kebakaran Hospital Sultanah Aminah,semoga mereka yang terkorban tergolong di dalam golongan diredhai Allah dan diterima segala ibadahnya disisi tuhan.

Dalam bulan Oktober di mana di peringkat daerah, peringkat Majlis Daerah Kota Tinggi banyak program-program telah dilaksanakan seperti program Town Hall dan lawatan kerja telah memperlihatkan beberapa kemajuan dengan adanya komunikasi dua hala.Program-program seperti ini walaupun ringkas tetapi dapat membantu di dalam merencanakan keperluan yang lebih penting dan juga menyalurkan bantuan yang lebih cekap dan efisien.Di kesempatan ini Tuan Pengerusi mengucapkan sekalung tahniah kepada YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique Timbalan Menteri

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas usaha murni YB untuk merapatkan perhubungan di antara rakyat dan kerajaan. Di antara usaha yang dijalankan ialah dengan mengadakan hari terbuka dan sesi Town Hall peringkat JPP Zon 11 di Taman Desa Sejahtera pada 1 Oktober 2016. Town Hall suara hati rakyat peringkat JPP Zon 10 Taman Kota pada 8 Oktober 2016. Untuk makluman sesi Town Hall merupakan satu pendekatan untuk menjalinkan hubungan dua hala antara pihak PBT dan juga rakyat dan ia selaras dengan program transformasi PBT yang telahpun dilancarkan di peringkat Kerajaan Negeri dan di peringkat MDKT di mana akan dilancarkan program hari terbuka dan sesi Town Hall dijangka pada bulan November. Saya mengharapkan dari program ini dapat menyumbangkan ke arah kemajuan dan keharmonian antara kita dan merupakan langkah yang baik. Untuk makluman semua, pada 4 Oktober 2016 perbentangan bajet 2017 kepada YAB Menteri Besar oleh semua PBT dalam negeri Johor telah dilakukan, ingin saya kongsi beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh YB Datuk Haji Abdul Latif Bin Haji Bandi iaitu Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan. YAB Menteri Besar telah memulakan utusannya dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua PBT kerana telah merealisasikan ucapan bajet YAB Menteri Besar pada tahun 2016. Di mana ucapan-ucapan bajet telah dijadikan KPI untuk Exco Kerajaan Tempatan dan juga telah diperturunkan kepada semua Yang Di Pertua PBT seluruh Negeri Johor untuk beberapa perkara. Antaranya bas muafakat Johor, wifi percuma, program-program naiktaraf pasar dan gerai, YAB Menteri Besar telah meminta supaya PBT menyediakan lebih banyak kemudahan awam untuk perancangan bagi bajet 2017 ke arah Gagasan Johor Berkemajuan. YAB Menteri Besar telah meminta semua PBT menyediakan ruang khas untuk 'Food Truck' yang telah menjadi 'trend' semasa bagi anak muda berniaga dimana PBT diminta menyediakan kemudahan utiliti seperti air, elektrik dan wifi. Hal ini diminta dimulakan pada tahun 2017 disemua PBT dalam negeri Johor dan YAB Menteri Besar turut menyentuh tentang bas muafakat Johor yang sekarang ini telah diadakan di MBBJ, MPPG, MPJBT & MPKU. Bas muafakat Johor pada tahun 2017 akan diperluaskan di seluruh daerah dimana kos akan ditanggung antara pihak PBT dan Kerajaan Negeri cuma kos yang hendak dikongsi belum diperincikan lagi di mana

jumlah yang harus dikeluarkan oleh PBT dan juga Kerajaan Negeri. Saya percaya akan melihat pada kemampuan kewangan PBT masing-masing.

Seterusnya YAB Menteri Besar telah menginginkan semua PBT supaya mempertingkatkan hal-hal kebersihan dan juga kelestarian untuk mengelakkan penyakit yang berleluasa seperti aedes dan juga zika. Dicapai supaya mengadakan program tandas sejahtera diperingkat PBT pada tahun hadapan dan juga Kerajaan Negeri berharap semua PBT dapat mengoptimalkan kutipan-kutipan hasil terutamanya mempertingkatkan lagi tunggakan cukai hasil, hasil-hasil sewa termasuk melihat gerai-gerai disemua PBT, dimana gerai-gerai perlu dijalankan perniagaan oleh pemilik sendiri dan tidak boleh disewakan kepada orang lain dimana dipanggil 'Sub Let' dan diminta kesemua PBT dapat membuat pemantauan. Kerajaan Negeri menggalakan keusahawanan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, justeru PBT juga diminta untuk membantu dari segi memberi ruang dan peluang kepada usahawan-usahawan diperingkat daerah bagi menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi.

Manakala diperingkat daerah Kota Tinggi juga banyak program telah dilaksanakan antaranya adalah majlis bacaan yassin tahlil dan doa akhir tahun dan awal tahun sempena sambutan Maal Hijrah peringkat daerah Kota Tinggi di masjid Al-Ehsan Felda Pasak pada 1 Oktober 2016. Pada 6 Oktober 2016 Daerah Kota Tinggi telah menerima lawatan kerja daripada YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor. Disini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada YB Datuk Tee Siew Kiong serta rombongan dan ketua-ketua jabatan yang telah terlibat sama dalam lawatan kerja tersebut.

Indah Sungguh Fajar Mentari,
Menjadi Penghias Alam Maya,
Bersenam Boleh Sihatkan Diri,
Pembina Masyarakat Untuk Berjaya.

Pada 8 Oktober 2016 seluruh negara telah melaksanakan Majlis Sukan Negara dan tidak ketinggalan juga peringkat daerah Kota Tinggi yang telah diadakan di padang awam bukit kerajaan, pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi menggalakkan bukan hanya golongan belia malahan seluruh penduduk tanpa mengira usia bersama-sama menyertai hari sukan negara. Ternyata program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan dilihat dapat melahirkan rakyat yang sihat dan cergas.

Pada 9 Oktober 2016 Yayasan Kota Tinggi telah memberikan penyampaian insentif kepada pelajar-pelajar PT3 bagi tahun 2016 dalam kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi seramai 1500 orang pelajar sekolah telah menerima sumbangan peralatan alat tulis dan majlis ini disempurnakan oleh YB Puan Hajah Asiah Bte Md Ariff Exco Kerajaan Negeri Johor yang juga Pengerusi Yayasan Kota Tinggi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB, ahli-ahli pemegang amanah dan tuan puan yang telah hadir ke dalam majlis tersebut.

Disini ingin memberikan penghargaan dan sekalung tahniah diucapkan kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Haji Abdul Latif bin Haji Bandi kerana telah melangsungkan majlis perkahwinan putera beliau yang telah diadakan pada 15 Oktober 2016 di Persada dan 20 Oktober 2016 di Dewan Desa Jaya Jalan Danau Johor Bahru. Dimaklumkan juga satu lagi majlis diadakan pada 23 Oktober 2016 di kawasan beliau iaitu di Endau, Mersing. Semoga pasangan mempelai sentiasa bahagia, dikurniakan zuriat yang soleh dan solehah serta bahagia didunia dan akhirat.

Daun Sirih Naik Di Junjung,
Limau Jasa Banyak Bijinya,
Pilih-Pilih Pimpinan Disanjung,
Menjulung Bahasa, Baik Budinya.

Pada 16 Oktober 2016 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Terminal Bas dan Teksi Gelang Patah dan Majlis Pelancaran Perkhidmatan Bas TransJohor dan pelan

induk Pengangkutan Awam Johor di terminal bas dan teksi Gelang Patah dan Majlis telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor dan pada 18 Oktober 2016 Majlis Perasmian Pembangunan Hab Kemahiran Johor Bandar Akademi Johor telah diadakan dan majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri di Kolej YPJ Kota Tinggi-Kulai. Mengambil kesempatan disini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat.

Pada 22 Oktober 2016, berlangsungnya Majlis Perasmian Pembukaan Pusat Perdagangan Bandar Kota Tinggi berhadapan di Bangunan Sultan Iskandar satu pelancaran projek terbengkalai yang telah dibangunkan semula dan majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi mempromosikan lebih banyak aktiviti perniagaan di Daerah Kota Tinggi dan sebagai daya tarikan pelancong dan bagi memulihkan semula banyak projek-projek yang terbengkalai di dalam daerah Kota Tinggi ini. Dalam majlis itu, YB Timbalan Menteri telah meminta supaya pihak yang telah mengusahakan sehingga pusat perdagangan ini dapat dijalankan semula untuk melihat satu lagi projek terbengkalai yang ada dalam Bandar Kota Tinggi iaitu Hotel Appolo dimana ia merupakan pintu masuk ke dalam Bandar Kota Tinggi supaya dapat dipulihkan dan dihidupkan semula sebagaimana pusat perdagangan Bandar Kota Tinggi ini.

Pada 23 Oktober 2016 telah berlangsungnya program semarak SAS melestarikan alam sekitar daerah Kota Tinggi anjuran Swcorp daerah Kota Tinggi di Dewan Daisy flat Taman Sri Saujana dan majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique. Peranan pertubuhan SAS ini adalah untuk memberikan khidmat didalam memelihara alam sekitar di mana program dan aktiviti yang dirangka sebegitu kemas demi generasi masa hadapan. Pada masa kini pemeliharaan alam sekitar dicemari oleh anasir-anasir perosak terutamanya oleh aktiviti manusia itu sendiri, adalah menjadi tanggungjawab kita semua sebagai manusia menjaga keindahan muka bumi ini daripada dimusnah oleh gejala kecuaiian manusia. Bagi

mengekal dan memulihara alam sekitar,berbagai cara dan kaedah boleh diguna pakai untuk meningkatkan rasa tanggungjawab kita terhadap alam sekitar.

Lebih banyak program harus dilaksanakan bagi memberikan sumber saluran maklumat yang berterusan tanpa tapisan kepada orang ramai.Walaupun telah banyak program didalam bulan Oktober,kita harus lebih merencanakan lebih program bagi tujuan merapatkan lagi hubungan antara Pihak Berkuasa Tempatan dan terutamanya pembayar-pembayar cukai dalam daerah Kota Tinggi.Mengambil kata kata hikmah bahawa”Tiada hati yang lebih kuat,selain daripada hati seorang sukarelawan”,kita harus lebih ikhlas didalam melaksanakan tugas demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak-pihak terlibat.Jika kita sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik,kita akan tetap menang dihati rakyat walaupun siapa walaupun apa yang memerintah negara ini.

Minyak Kelapa Disapu Kemas Sebadan,
Menjamah Murukku Licin Sebalang,
Raikan Deepavali Bersama Sejiran,
Minorti Majoriti Bukan Penghalang.

Akhir kata,saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada Ahli-Ahli Majlis yang beragama hindu, kepada semua masyarakat dalam Bandar Kota Tinggi ini,semoga dengan adanya perayaan ini kita akan dapat menjalinkan hubungan yang lebih baik antara kita dan supaya perayaan pada tahun ini lebih meriah kepada mereka yang akan menyambutnya.

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih inklusif,lestari dan sejahtera dan
Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warohmatullahiwabarakatuh,

Salam Muafakat Johor dan Salam Sejahtera.